

Santuni masyarakat melalui singgah sahur UMP

Nik Amirulmu'min Nik Min
8 Jun 2018



Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Kuantan, Kamerul Bieza Kassim menerima sumbangan pek juadah bersahur daripada Dr Yusserie.

KUANTAN - Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan program singgah sahur untuk tahun kelima dengan mengagihkan juadah bersahur kepada anggota keselamatan, agensi kerajaan, penghuni rumah anak yatim dan masyarakat sekitar daerah ini, kelmarin.

Program kali ini disertai 60 sukarelawan daripada Kelab Kebajikan Sukan dan Rekreasi Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (Respec) dan Pejabat Naib Canselor dengan kerjasama Persatuan Alumni UMP.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Datuk Dr Yusserie Zainuddin berkata, agihan dibuat di beberapa lokasi termasuk Plaza Tol Gambang, Balai Bomba dan Penyelamat Kuantan, Hospital Tunku Ampuan Afzan (HTAA), Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuantan, Teluk Cempedak dan Rumah Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim dan Miskin Nur Iman Kuantan.

Menurutnya, program berkonsepkan singgah bermesra dan menyerahkan sumbangan juadah bersahur ini fokus kepada petugas yang bekerja pada waktu malam terutamanya di kalangan penjawat awam dan agensi kerajaan yang menjaga keamanan dan keselamatan.

"Program yang melibatkan penuntut dan kakitangan UMP serta komuniti setempat ini dapat merapatkan hubungan di antara sukarelawan UMP dan masyarakat luar serta memahami kehidupan bermasyarakat dan memupuk nilai-nilai murni."

"Selain itu, secara tak langsung dapat menzhirkan penghargaan kepada petugas yang menyumbang kepada negara, di samping meraikan Ramadan," katanya pada program itu di sini, kelmarin.

Turut hadir, Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Dr Muhamad Mat Noor dan Pengurus Besar Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Abd Rahman Safie.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Perubatan 2, HTAA, Datuk Dr Daud Osman berkata, pihaknya sentiasa menyokong dan mengalu-alukan sebarang program yang memanfaatkan masyarakat.

Menurutnya, beliau bangga dengan inisiatif UMP itu dan berharap ianya dapat diteruskan pada masa depan.